

Pemuda UMNO mahu jumpa Rice

um- 24/7/2006

KUALA LUMPUR 23 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO dijangka menganjurkan satu perhimpunan raksasa yang bakal disertai oleh pelbagai pihak termasuk parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai tanda penyatuan sara-rakyat Malaysia membantah tindakan ganas rejim Israel.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, langkah tersebut merupakan salah satu rangka tindakan yang akan diambil oleh Pemuda sekiranya Israel tidak menghentikan serangan ke atas Lebanon dan Palestin.

Beliau berkata, pihaknya juga merancang untuk mengemukakan bantahan berhubung serangan Israel itu kepada Setiausaha Amerika Syarikat (AS), Condoleezza Rice semasa kedatangan beliau ke negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Pasca Menteri dan Forum Rantau ASEAN sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-39 (AMM).

"Bentuk bantahan yang akan kita kemukakan kepada Condoleezza Rice belum ditentukan dan dalam perkara ini kita perlu mendapatkan pandangan kerajaan terlebih dahulu.

"Bagaimanapun inilah peluang



KHAIRY JAMALUDDIN

terbaik kita untuk mengemukakan bantahan secara terus kepada kerajaan Amerika Syarikat (AS) terhadap apa yang telah dilakukan oleh Israel ke atas Lebanon dan Palestin," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai bentuk tindakan Pemuda UMNO bagi memperhebatkan lagi gerakan membantah tindakan ganas Israel serta mendesak rejim itu supaya meng-

hentikan segera serangan ke atas Lebanon dan Palestin.

Malah, perhimpunan besar-besaran yang dianjurkan oleh Pemuda UMNO kelmarin merupakan permulaan kepada beberapa siri bantahan yang akan digerakkan di seluruh negara.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy berkata, gerakan seangkatan Pemuda di Indonesia iaitu Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI) akan mengadakan perhimpunan mengemam Israel di Jakarta pada Selasa ini.

Beliau berkata, perhimpunan yang akan dianjurkan oleh KNPI itu merupakan satu bentuk kerjasama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ketika Pemuda berkunjung ke Indonesia baru-baru ini untuk membincangkan isu tersebut.

"Selepas ini kita akan mengadakan pelbagai bentuk siri bantahan terhadap kekejaman Israel dengan mereka secara bersama.

"Bagi menghormati hubungan antara kedua belah pihak, pihak Pemuda akan menghantar wakil ke Jakarta sebagai tanda sokongan kami terhadap perhimpunan anti-Israel yang dianjurkan oleh KNPI," ujarnya.